

PROJEK AMAL KUMPULAN 7 SEMPENA MAULIDUL RASUL 1435H/2014

Oleh : Prof. Madya Dr. Mohd Dahlan Hj. A. Malek

Pengerusi Kumpulan 7 Sempena Sambutan Maulidul Rasul 1435H UMS

"Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah" bagi Kumpulan 7 ialah mengambil pendekatan sederhana serta adil yang diamalkan oleh Rasulullah SAW sepetimana yang termaktub dalam Piagam Madinah yang telah dipersetujui bersama antara Baginda Rasulullah S.A.W dengan masyarakat bukan Islam. Ia menyerlahkan semangat toleransi beragama apabila orang Islam dan bukan Islam saling faham memahami, bekerjasama dan hidup secara harmoni dan adil.

Pendekatan ini merupakan satu pendekatan yang diperlakukan dalam projek amal yang dijalankan oleh kumpulan 7 yang terdiri daripada 5 buah sekolah iaitu Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Sekolah Pengajian Seni, Sekolah Sains Sosial dan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial serta dua pusat iaitu Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa dan Pusat Pengajian Luar (PLUMS) yang merupakan satu kesepakatan untuk menzahirkan kita kepada kecintaan terhadap Rasulullah S.A.W disamping memupuk semangat kerjasama dan toleransi dikalangan kakitangan UMS yang pelbagai kaum, tanpa mengira agama.

Projek amal yang dijalankan ini adalah bertepatan dengan tema Sambutan Maulidur Rasul pada tahun 2014 iaitu "Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah" iaitu dengan berbekalkan konsep kesederhanaan dan sifat adil serta sikap toleransi dikalangan ahli kumpulan 7 dapat menjalankan aktiviti projek amal iaitu dengan membantu membina semula rumah Puan Mayan binti Sadap iaitu seorang ibu tunggal yang kematian suami di mana rumah yang didiami oleh beliau dan keluarga telah musnah akibat kebakaran pada bulan Disember 2013 di Kampung Tambilaung, Kota Belud. Jutaan terima kasih kepada YBhg. Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah yang sentiasa memberi sokongan padu kepada semua projek amal yang dijalankan oleh warga UMS, Begitu juga dengan semua dekan-dekan yang sentiasa memberi sokongan dan juga memastikan projek yang dijalankan dapat dilaksanakan.

Tidak ketinggalan juga setinggi penghargaan kepada semua rakan-rakan kumpulan 7 yang bertungkus lumus dalam menjayakan projek amal ini serta pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kebajikan Masyarakat yang turut serta menyumbang tenaga dalam menjayakan projek amal ini. Mudah-mudahan kita semua mendapat keberkatan dan juga satu pengalaman yang dapat mematangkan kita dalam mengharungi liku-liku kehidupan searian. Semoga kita dapat mengamalkan sunnah rasul dan dapat menjalini kehidupan dengan aman dan damai serta sentiasa bertoleransi serta kesepakatan dan kerjasama tanpa mengira agama dan perbezaan ideologi.

Lawatan awal ke kediaman sementara Pn. Mayan dan keluarga.



Selepas Kebakaran

BERITA KHAS

Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial



Ahli Kumpulan 7



Kawasan rumah yang telah dibersihkan



Pemasangan tiang rumah



Pemasangan rangka rumah pertama



Pemasangan rangka rumah kedua



Pemasangan rangka atap rumah



Gotong-royong Perdana Kumpulan 7

GOTONG-ROYONG PERDANA PROJEK AMAL DI KAMPUNG TAMBILAUNG, KOTA BELUD SEMPENA MAULIDUL RASUL 1435H